

Angkasa santuni gelandangan

UM
17/1/2017
MS 31


KUALA LUMPUR 16 Jan. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meraikan masyarakat gelandangan melalui program Bantuan Gelandangan di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Angkasa untuk berbakti kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Katanya, ia juga bagi mengubah persepsi orang ramai bahawa modus operandi Angkasa hanya menjurus kepada dunia perniagaan semata-mata.

"Ini merupakan program pertama kami pada tahun ini dan lebih banyak lagi program kemasyarakatan yang akan disusun pada masa akan datang.

"Pada malam ini, sebanyak 400 pek makanan dan kelengkapan asas harian diberikan kepada gelandangan yang berada di sini," katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (kiri) mengagihkan makanan kepada gelandangan sempena program Bantuan Gelandangan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, malam kelmarin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Jelas Abdul Fattah, program sedemikian akan diteruskan dari semasa ke semasa bukan sahaja mencakupi golongan gelandangan, malah pelbagai lapisan masyarakat.

"Insya-Allah esok kami akan berangkat menuju ke Kelantan dan Terengganu bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang terjejas dengan bencana banjir baru-baru ini," ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia